



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**PENAWARAN PEKERJAAN DIKLANKAN DALAM TALIAN DI
MALAYSIA SUKU KEEMPAT 2025**

**Penawaran pekerjaan dalam talian merekodkan 587,801 penawaran
pekerjaan pada suku keempat 2025**

PUTRAJAYA, 25 MEI 2026 – Bilangan penawaran pekerjaan yang diiklankan secara dalam talian pada suku keempat tahun 2025 adalah 587,801, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) seperti dilaporkan dalam terbitan **Analisis Data Raya: Job Market Insights Penawaran Pekerjaan Diiklankan Dalam Talian di Malaysia, ST4 2025**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Bilangan syarikat yang mengiklankan tawaran kerja pada suku keempat 2025 meningkat kepada 80,287 berbanding 77,615 pada suku ketiga 2025. Penawaran pekerjaan dalam talian tertumpu kepada kategori Profesional, merangkumi 46.4 peratus atau 272,698 penawaran pekerjaan pada suku keempat 2025, berbanding 268,178 penawaran pekerjaan pada suku ketiga 2025. Kategori Juruteknik dan Profesional Bersekutu merekodkan 93,358 penawaran, diikuti oleh Pengurus dengan 88,080 penawaran pekerjaan. Permintaan yang lebih tinggi diperhatikan bagi Profesional Pengiklanan dan Pemasaran (42,411 penawaran pekerjaan), diikuti Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif (36,656 penawaran pekerjaan), Profesional Pentadbiran Bersekutu (29,569 penawaran pekerjaan), Profesional Pentadbiran (22,093 penawaran pekerjaan) serta Akauntan dan Juruaudit (20,111 penawaran pekerjaan)."

Beliau menambah, "Sektor Perkhidmatan terus mendominasi dengan 84.4 peratus atau 496,065 penawaran pekerjaan pada suku keempat 2025, berbanding 77.2 peratus pada suku ketiga 2025. Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal merekodkan jumlah penawaran pekerjaan tertinggi dalam sektor Perkhidmatan dengan 183,653 penawaran. Seterusnya, diikuti Aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal dengan 62,954 penawaran pekerjaan, Aktiviti Pentadbiran dan Perkhidmatan Sokongan

dengan 52,036 penawaran pekerjaan, Aktiviti Pembuatan dengan 45,369 penawaran pekerjaan serta sektor Pembinaan dengan 40,069 penawaran pekerjaan.”


Menurut Ketua Perangkawan, “Tiga (3) penawaran pekerjaan tertinggi mengikut kumpulan pekerjaan (MASCO 6-digit) dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pada suku keempat 2025 ialah Juruteknik (5,457 penawaran pekerjaan), diikuti oleh Eksekutif Pentadbiran (5,179 penawaran pekerjaan) dan Penolong Jualan (4,888 penawaran pekerjaan). Dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Juruteknik merekodkan bilangan penawaran pekerjaan tertinggi iaitu 5,457 penawaran pekerjaan, diikuti Jurutera (4,456 penawaran pekerjaan) dan Pengurus Akaun (3,737 penawaran pekerjaan). Bagi Senarai Pekerjaan Kritikal (COL), penawaran tertinggi adalah Profesional Pengiklanan dan Pemasaran (5,757 penawaran pekerjaan), diikuti Akauntan dan Juruaudit (4,322 penawaran pekerjaan) serta Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif (4,140 penawaran pekerjaan).”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)**, dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Penawaran Pekerjaan Diiklankan dalam Talian, ST1 2022 – ST4 2025




Paparan 1: Penawaran Pekerjaan Diiklankan dalam Talian mengikut Kumpulan Utama Pekerjaan, ST4 2025 & ST3 2025




Paparan 2: Penawaran Pekerjaan Diiklankan dalam Talian mengikut Pekerjaan Popular, ST4 2025 & ST3 2025



Paparan 3: Penawaran Pekerjaan Diiklankan dalam Talian mengikut Aktiviti Ekonomi ST4 2025 & ST3 2025



Paparan 4: Penawaran Pekerjaan Tertinggi Diiklankan dalam Talian bagi Kumpulan Pekerjaan dalam TVET, STEM dan COL, ST4 2025 & ST3 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
25 MEI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

JOB OFFERINGS ADVERTISED ONLINE IN MALAYSIA FOURTH QUARTER 2025

Online job offerings recorded 587,801 jobs in the fourth quarter of 2025

PUTRAJAYA, 25TH MAY 2026 – *The number of online job offerings advertised in the fourth quarter of 2025 was 587,801, according to the Department of Statistics Malaysia (DOSM) as reported in the release **Big Data Analytics: Job Market Insights Online Job Offerings Advertised in Malaysia, Q4 2025**.*

The Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, stated, "The number of companies advertising job offerings in the fourth quarter of 2025 rose to 80,287, compared to 77,615 in the third quarter of 2025. Online job offerings were concentrated in the Professional category, accounting for 46.4 per cent or 272,698 job offerings in the fourth quarter of 2025, compared to 268,178 job offerings in the third quarter of 2025. Technicians and Associate Professionals category recorded 93,358 job offerings, followed by Managers with 88,080 job offerings. Higher demand was observed for Advertising and Marketing Professionals (42,411 job offerings), followed by Managing Directors and Chief Executives (36,656 job offerings), Administrative Associate Professionals (29,569 job offerings), Administrative Professionals (22,093 job offerings), as well as Accountants and Auditors (20,111 job offerings)."

The Chief Statistician further added, "The Services sector continued to dominate, accounting for 84.4 per cent or 496,065 job offerings in the fourth quarter of 2025, compared to 77.2 per cent in the third quarter of 2025. The Wholesale and Retail Trade; Repair of Motor Vehicles and Motorcycles subsector recorded the highest number of job offerings within the Services sector, with 183,653 job offerings. This was followed by Professional, Scientific and Technical Activities (62,954 job offerings), Administrative and Support Service Activities (52,036 job offerings), Manufacturing (45,369 job offerings), and the Construction sector (40,069 job offerings)."


According to the Chief Statistician, “The top three job offerings by occupation group (MASCO 6-digit) in the Technical and Vocational Education and Training (TVET) field in the fourth quarter of 2025 were Technician (5,457 job offerings), followed by Administrative Executive (5,179 job offerings) and Sales Assistant (4,888 job offerings). In the Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) field, Technician recorded the highest number of job offerings at 5,457, followed by Engineer (4,456 job offerings) and Account Managers (3,737 job offerings). For the Critical Occupations List (COL), the highest job offerings were Advertising and Marketing Professionals (5,757 job offerings), followed by Accountants and Auditors (4,322 job offerings) and Managing Directors and Chief Executives (4,140 job offerings).”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Job Offerings Advertised Online, Q1 2022 – Q4 2025



**Exhibit 1: Job Offerings Advertised Online by Major Occupation Groups
Q4 2025 & Q3 2025**




Exhibit 2: Job Offerings Advertised Online by Hottest Job, Q4 2025 & Q3 2025



Exhibit 3: Job Offerings Advertised Online by Economic Activity Q4 2025 & Q3 2025





Exhibit 4: Highest Job Offerings Advertised Online for Occupation Groups in TVET, STEM and COL, Q4 2025 & Q3 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
25 MAY 2026**